



INSPIRE

INCLUSIVE

NEUTRAL

SENSIBLE

PROFESSIONAL


IMPRESSIVE

REFLECTIVE

ENTHUSIASTIC

BIL: 4

MEI 2020



UM MEMERANGI COVID 19

KANDUNGAN

PENA EDITOR 1

TINTA 2

Timbalan Naib Canselor HEP

SERAUT BICARA 3

Timbalan Pendaftar HEP

CRONICLE 4-10

MEMORY LANE 11

Pusat Perubatan Universiti Malaya

CAMPUS TALK 12-18

UM Memerangi Covid-19

TERAPI 19

Pengurusan Stress Semasa Covid-19

JOM SIHAT 20

Apa Itu Corona Virus

DEMI MASA 21

*Ramadhan Dalam Perintah Kawalan Pergerakan:
Kekangan atau Peluang*

MY CREATIVE 22-24

UM@KOMUNITI 25

Pena Editor

Warga Kampus,

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, berjumpa sekali lagi di edisi INSPIRE bagi tahun 2020.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan kepada semua. Ramadan kali ini agak berbeza dengan tahun sebelumnya. Seluruh dunia terkesan dengan pandemik COVID-19 ini sejak Januari 2020. Kampus kita turut terkesan dengan wabak ini dan seluruh aktiviti kebiasaan kita mula berubah sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac hingga kini. Lalu kita disarankan untuk memulakan kebiasaan baru (norma baru) dalam kehidupan selepas ini dan dijangka berterusan agak lama hinggalah pandemik ini menemui vaksin. Kehidupan kita di kampus juga akan berubah. Cara kita bekerja, belajar, berurusan dengan Pensyarah dan Pegawai. Cara pelajar kita beraktiviti, bermesyuarat dan lain-lain urusan kebanyakannya akan berubah.

INSPIRE kali ini akan memfokus kepada usaha-usaha Universiti, khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam menangani pandemik ini sejak Februari yang lalu. Usaha awal HEP dalam mengekang pandemik bermula dengan membuat saringan kepada semua pelajar antarabangsa yang pulang ke kampus. Saringan turut dipanjangkan kepada staf UM. Mereka yang dijangkiti akan dirawat di PPUM dan selainnya di kuarantin di Pusat Kuarantin UM di KK10. Usaha memerangi COVID-19 ini berterusan dengan SOP pembelajaran secara dalam talian dan pembatalan kelas secara fizikal. BHEP ditugaskan menjaga kebajikan para pelajar UM yang masih di kampus dan di luar kampus dalam tempoh PKP. Seramai 1700 pelajar masih berada di kampus ketika PKP sehinggalah Kerajaan memutuskan pelajar dibenarkan pulang ke rumah masing-masing dengan SOP ketat bermula 27 April lalu. Usaha ini akan berterusan sehingga vaksin wabak ini ditemui.

Seluruh peristiwa pandemik COVID-19 ini adalah sesuatu yang baru, yang belum pernah dihadapi Negara. Ini adalah sejarah besar Negara dan dunia! Setiap momen masa adalah sejarah yang perlu dirakam dan pengalaman mereka yang terlibat amat berharga. INSPIRE cuba merakamkan sebahagian peristiwa ini sebagai rakaman sejarah yang berlaku di kampus ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang membantu menghasilkan INSPIRE kali ini kerana ia juga dihasilkan dengan unik secara "bekerja dari rumah". Syabas buat semua!. Mohon maaf Zahir Batin daripada kami atas kekurangan kali ini dan Selamat Menyambut Hari Lebaran hujung Mei nanti.

S.RAMLEE SHAMSUDDIN
Editor

HAL EHWAL PELAJAR

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Selamat Berpuasa saya ucapkan kepada semua pelajar Universiti Malaya yang beragama Islam samada di kampus ataupun yang telah berada di kampung. Alhamdulillah, dengan inisiatif daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar bersama pihak-pihak yang berkenaan, hampir 90% pelajar Universiti Malaya yang terkandas telah selamat tiba di kampung halaman bersama keluarga tersayang.

Sepertimana pelajar sedia maklum, pembelajaran dalam talian telahpun bermula sejak 27 April 2020 yang lalu. Saya amat berharap agar para pelajar rajin-rajinlah menjalani pembelajaran dalam talian meskipun berada di kampung. Jadikanlah pembelajaran ini sebagai norma baru dan berdisiplin seperti pembelajaran dalam keadaan biasa.

Kursus Ko-Kurikulum di bawah Hal Ehwal Pelajar juga masih diteruskan untuk Sem 2, 2019/2020 namun dengan norma baru. Penilaian berdasarkan grading masih dikekalkan dan kaedah pengurusan kursus melalui *e-learning* menggantikan kekangan pergerakan atau aktiviti pelajar akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang diwajibkan oleh pihak kerajaan. Pelajar diminta untuk merujuk posting-posting dan hebahan melalui *Homepage Facebook* yang dikeluarkan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

Tidak dilupakan kepada pelajar yang masih berada di kampus. Kebajikan dan keperluan anda semua masih lagi diambil perhatian oleh pihak Pengurusan Universiti. Berhubunglah dengan staf yang berkenaan sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan.

Dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini, saya menasihatkan agar semua pelajar yang berada di kampus dan kampung supaya sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan diri, penjarakan sosial dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Semoga kita dapat memutuskan rangkaian COVID-19 ini.

Akhir kata, saya bagi pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar ingin mengucapkan **SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, MAAF, ZAHIR DAN BATIN** kepada pelajar yang akan menyambutnya nanti. Semoga anda menyambutnya dengan gembira bersama keluarga tersayang dan kirimkan salam saya kepada ibubapa anda di kampung.

Sekian, terima kasih.

Pandemik COVID-19 satu ujian
Penjarakan sosial jangan dilupa
Nekad bersama teruskan pengajian
Mantapkan ilmu terus berjaya

#kitajagakita #stayhome #UMLawanCovid19

PROFESOR IR. DR ABDUL AZIZ ABDUL RAMAN
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)



Serant Bicara

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Warga pelajar sekalian,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan tahniah kepada ahli siding editorial INSPIRE yang berusaha bersungguh-sungguh untuk menerbitkan majalah INSPIRE Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaya bagi suku pertama tahun 2020.

Pada 27 April 2020 telah bermulanya Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 dalam kancah negara berhadapan dengan situasi yang membimbangkan berikutan penularan jangkitan COVID-19. Norma kehidupan kita telah melalui suatu fasa yang memerlukan perubahan secara mendadak yang belum pernah kita amalkan sebelum ini. Berbangkit daripada perubahan yang berlaku, ianya memberi kesan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran kita yang merupakan fokus utama universiti sebagai pusat pengajian tinggi pendidikan negara. UM dan semua UA di Malaysia melalui tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu hingga 12 Mei 2020. Keadaan yang berlaku telah menjejaskan semua perancangan universiti sama ada dalam jadual pengajian, urusan akademik, urusan pentadbiran, urusan kegiatan pelajar dan sebagainya. Walaupun begitu, pihak Pengurusan Universiti telah mengambil tindakan yang terbaik bagi memastikan semua urusan akademik dan pengajian pelajar tidak terjejas.

Fokus utama Bahagian HEP adalah memastikan kesejahteraan dan kebajikan pelajar sepanjang tempoh PKP ini terjaga. Beberapa orang pegawai dan staf HEP telah dilantik sebagai pegawai penghubung bagi membantu pelajar yang terkesan berikutan PKP. Perbincangan bersama Pengurusan Tertinggi BHEP kerap diadakan secara atas talian untuk memastikan urusan kebajikan, kegiatan, pengendalian kursus Ko Kurikulum dan kesejahteraan pelajar sentiasa berjalan lancar. Kami di HEP turut perlu bersedia dengan norma baru dalam pengurusan HEP selepas tempoh PKP ini, termasuk cara berurusan dengan pelajar, pengurusan kegiatan pelajar, cara pengurusan program HEP seperti Minggu Haluansiswa, Kursus jatidiri dan lain-lain aspek.

Berhadapan dengan situasi ini, saya menasihatkan pelajar mengambil langkah-langkah yang boleh menghindarkan diri sendiri daripada dijangkiti wabak ini dan menyesuaikan diri dengan norma baru pasca COVID-19 seperti tiada program secara berkumpulan, amalan penjarakan sosial dan amalan kebersihan diri. Gunakan topeng muka dan hand sanitizer, kurangkan bersentuhan dan bersalaman. Panduan dan SOP akan disediakan oleh Universiti kepada semua sebagai panduan norma baru dalam kehidupan di kampus Pasca COVID-19 bagi urusan tertentu.

Akhir kata, saya mendoakan kita semua dalam keadaan sihat sejahtera dan dapat terus mengamalkan norma baru ini sehingga kita sama-sama berjaya menamatkan pandemik COVID-19 dan dapat kembali kepada rutin asal, InsyaAllah. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua pelajar (muslim) dan seterusnya Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga kampus, Maaf Zahir dan Batin.

NOORIHAN ALI YUSOFF
Timbalan Pendaftar
Hal Ehwal Pelajar



BENGGKEL KAJIAN SEMULA PENGURUSAN KUALITI BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR TAHUN 2020

Seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai BHEP dan Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman Universiti Malaya telah menyertai Bengkel Kajian Semula Pengurusan Kualiti BHEP Tahun 2020 yang diadakan pada 26 Februari 2020 (Rabu) bertempat di Bilik Mayangsari 1 & 2, Kolej Kediaman Kelima (Dayasari). Bengkel ini bertujuan bagi memastikan aspek pengurusan kualiti HEP sentiasa dipantau dan ditangani dengan baik, menyeluruh dan berkesan. Ianya merupakan rentetan daripada inisiatif pemusatan dan integrasi pengurusan kolej kediaman dalam struktur dan fungsi organisasi Hal Ehwal Pelajar (HEP).



KURSUS ORIENTASI FELO & PEMBANTU FELO UNIVERSITI MALAYA TAHUN 2020



Kursus Orientasi Felo & Pembantu Felo Universiti Malaya Tahun 2020 telah berlangsung pada 14 hingga 16 Februari 2020 bertempat di eRYA Cherating Resort, Pahang Darul Makmur dan disertai oleh Pengetua, Felo dan Pembantu Felo Kolej Kediaman. Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan memantapkan kefahaman felo dan pembantu felo mengenai pengurusan aktiviti pelajar serta memperkenalkan tatacara baru rentetan pelaksanaan struktur Hal Ehwal Pelajar dan integrasi pengurusan kolej kediaman berpusat. Antara pengisian kursus adalah dialog bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), dialog "Isu & Cabaran Tugas Felo/Pembantu Felo", taklimat-taklimat pengurusan dan aktiviti berpasukan.

LAWATAN SOSIAL KE KOLEJ KEDIAMAN UM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) OLEH PEGAWAI PSIKOLOGI BHEP 20 HINGGA 22 APRIL 2020

Hasil maklumbalas daripada pihak kolej kediaman dan beberapa keperluan psikologi daripada pelajar-pelajar yang tinggal di kolej kediaman, pihak SPPSK telah mengadakan lawatan sosial ke kolej kediaman UM. Antara tujuan dan matlamat lawatan ini adalah:

1. Menyediakan salah satu platform untuk pelajar-pelajar yang ingin bersemuka dengan pegawai psikologi.
2. Mendapatkan maklumbalas segera daripada pelajar-pelajar berkaitan isu psikologi.
3. Sebagai tanda sokongan secara fizikal dengan keberadaan pegawai psikologi di kolej.

Dengan penglibatan semua pegawai psikologi di SPPSK BHEP iaitu seramai 4 orang telah mendapat sambutan dan sokongan yang sangat baik daripada semua kolej kediaman.



Lawatan yang diadakan ini juga telah mematuhi syarat dan prosedur PKP yang mana antaranya mengutamakan social distancing dan hanya sekitar 15 minit untuk sesi bersemuka dan sekiranya ada keperluan perbincangan lanjut mengenai isu-isu psikologi akan dilanjutkan melalui tele-kaunseling kelak.

Hasil lawatan sosial ini, sebanyak 15 kes telah diterima daripada pelajar-pelajar yang datang secara sukarela sepanjang tempoh lawatan tersebut dan antara kes yang tertinggi adalah kes yang melibatkan interaksi sosial disamping kes-kes lain seperti kesunyian, kebimbangan, stress dan isu peribadi.

Jutaan terima kasih kepada semua kolej kediaman yang terlibat samada melalui lawatan sosial mahupun melalui perkhidmatan tele-kaunseling. Semoga dengan keberadaan pegawai psikologi di kolej kediaman ini menjadi salah satu alternatif bantuan dan sokongan psikologi bagi pelajar untuk meluahkan perasaan mereka secara bersemuka bersama pegawai psikologi sepanjang PKP ini.





UNIVERSITI MALAYA MENTAL HEALTH INITIATIVE

(MEMORANDUM OF UNDERSTANDING SIGNING CAREMONY
BETWEEN UNIVERSITI MALAYA AND JONSON & JONSON)

20 Februari 2020 | Dewan Tunku Canselor

Program Kesihatan Mental ini telah dirasmikan oleh
Menteri Kesihatan YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad

OBJEKTIF:

Memberi kesedaran dan pengetahuan tentang kesihatan mental kepada warga Universiti Malaya terutamanya berkaitan tekanan dan kemurungan.

SASARAN:

Seluruh Warga Universiti Malaya.

IMPAK:

1. Program ini memberikan pengetahuan tentang kesihatan mental terutamanya berkaitan stress dan kemurungan kepada pelajar-pelajar dan orang awam justeru meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan mental.
2. Para pelajar dan orang awam mendapat pengetahuan tentang tanda-tanda atau yang boleh dikenalpasti jika seseorang mengalami masalah kemurungan.
3. Panduan yang tepat diberikan kepada peserta yang dikenalpasti mempunyai masalah kemurungan iaitu dari segi pilihan fasiliti atau organisasi yang boleh memberikan bantuan dan rawatan.
4. Program ini memperkenalkan Klinik Kesihatan Pelajar UM sebagai sebuah fasiliti yang menjalankan aktiviti pencegahan penyakit dan mempromosikan kesihatan melalui penglibatan warga kampus.



UM GO CASHLESS: KAMPUS BEBAS TUNAI- PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN PORTAL E-PAY DI URUSAN KEWANGAN BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI MALAYA

Mesyuarat Jawatankuasa Audit UM bil 3. Tahun 2019 telah mengarahkan supaya transaksi kutipan secara tunai di semua PTj / Jabatan dihentikan dan Penggunaan Portal E-Pay@UM dikuatkuasa sepenuhnya. Arahan ini adalah bertujuan untuk menyokong inisiatif bagi menjadikan Universiti Malaya sebagai sebuah kampus bebas tunai. Pelancarannya telah diadakan pada 5 September 2019.

Sehubungan dengan itu Urusan Kewangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar khususnya, dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar amnya juga tidak terkecuali dengan penguatkuasaan ini.

Mungkin ramai tertanya-tanya apakah itu Portal E-Pay@UM? Untuk makluman Portal E-Pay@UM telah dibangunkan bagi menguruskan segala jenis terimaan secara atas talian seterusnya menggantikan kaedah kutipan secara konvensional. Melalui integrasi dengan Sistem Kewangan SAP, transaksi terimaan dapat dikemaskini didalam sistem secara 'real-time'. Portal ini juga turut dipautkan kepada pelbagai jenis sistem terimaan lain seperti UM Conference, UMPPoint, UMPVendor, Giving2UM, Giving2UMEF, dan Portal MYUM.

Sehubungan dengan itu:-

- a) Semua jenis kutipan yang dilaksanakan di Urusan Kewangan Hal Ehwal Pelajar hendaklah didaftar di Portal E-Pay@UM.
- b) Kemudahan pindahan dana ke akaun bank virtual, terminal kad kredit/ debit dan QR Code E-Wallet turut disediakan bagi melancarkan lagi urusan terimaan tanpa tunai di Urusan Kewangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.





AUDIT AKSES KEPERLUAN OKU DI FAKULTI UNDANG-UNDANG, UM
5 Mac 2020



DISABILITY EQUALITY TRAINING KEPADA PELAJAR FAKULTI PERGIGIAN UM
14 FEBRUARI 2020



PENGAMBARAN VIDEO AMALAN POSITIF PENGURUSAN DAN PERKHIDMATAN SISWA OKU UM
17 FEBRUARI 2020

Inisiatif Bantuan

PELAJAR LUAR KAMPUS SEMPENA PKP 2020

Pengurusan Luar Kampus, Universiti Malaya telah mengambil langkah proaktif dengan merangka beberapa inisiatif bantuan bagi meringankan beban pelajar-pelajar luar kampus sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berlangsung. Inisiatif tersebut merangkumi bantuan bekalan makanan kering secara one-off kepada pelajar yang tinggal dalam jarak 5 kilometer radius dari kampus utama secara berfasa. Bantuan ini adalah terbuka kepada semua pelajar di pelbagai peringkat pengajian termasuk Program Ijazah Sarjana Muda, Pasca Siswazah dan Program Pertukaran Pelajar Luar Negara. Sebanyak 4 fasa penghantaran bekalan makanan telah berjaya dijalankan yang melibatkan hampir seramai 1280 orang pelajar luar kampus. Suatu jumlah yang banyak dan mengambil masa sekurang-kurangnya 3 hari untuk penghantaran dibuat pada setiap fasa.



Di kesempatan ini, Pengurusan Luar Kampus ingin merakamkan ucapan setinggi terima kasih kepada Timbalan Naib Canselor HEP, Profesor Dr Ir Abdul Aziz Abdul Raman di atas sokongan meluluskan peruntukan kewangan agar bantuan ini dapat dilaksanakan. Begitu juga kepada semua penyumbang dan penderma bekalan makanan antaranya Masjid Arrahman, Yayasan Foodbank Malaysia, Datuk Lee Chong Wei, Gardenia, YADIM dan beberapa lagi individu yang bermurah hati. Di samping itu, bantuan dan sokongan dari staf/pegawai HEP dan juga fello-fello kolej kediaman juga sangat dihargai. Tanpa bantuan mereka, masakan mampu untuk Pengurusan Luar Kampus membuat pembungkusan sebanyak ini. Terima kasih kepada semua.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP): INISIATIF HEP MENYEDIAKAN BEKALAN MAKANAN KEPADA PELAJAR

Sepanjang PKP, seramai 1600 pelajar yang tinggal dalam kampus menerima bantuan makanan 3 kali sehari yang disediakan oleh pihak universiti melalui kafetria kolej masing-masing.

Manakala 1300 pelajar luar kampus dalam radius 5 kilometer persegi dari Universiti Malaya (UM) menerima bantuan makanan kering hasil sumbangan para penyumbang.

HEP melalui Urusan Hubungan dan Kebajikan Pelajar telah berkerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan usaha menyediakan bantuan makanan sepanjang PKP dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Berikut adalah senarai penyumbang yang membantu para pelajar terutama pelajar luar kampus:

YAYASAN FOODBANK MALAYSIA
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)
MASJID AR-RAHMAN
MASJID SAIDINA UMAR AL-KHATTAB
GARDENIA BAKERIES (KL) SDN BHD
DUTCH LADY MILK INDUSTRIES BHD
NUTRIGEN MALAYSIA
RAMLY FOOD PROCESSING SDN BHD
PARA PENSYARAH, KAKITANGAN UM DAN
ORANG PERORANGAN

Sesungguhnya jasa pihak di atas telah menceriakan semua warga kampus. Semoga kemurahan hati semuadibalas dengan kebaikan berlipat kali ganda dari Allah SWT.





OPERASI HANTAR PULANG PELAJAR UM KE KAMPUNG

Pihak kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersetuju menghantar pulang pelajar Universiti Awam yang terkandas di kampus masing masing sejak PKP berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. Pada 27 April yang lalu, seramai 164 pelajar UM telah dihantar pulang ke zon utara (Kedah, Pulau Pinang dan Perlis).

Peristiwa bersejarah ini turut disaksikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Naib Canselor UM dan pengurusan UM yang lain. Pelajar melalui SOP ketat sebelum pulang termasuk perlu melalui saringan kesihatan, sanitasi diri dan beg, sanitasi bas dan amalan Penjarakkan sosial. Pelajar turut dibekalkan dengan makanan untuk perjalanan ini.

Pada 4 Mei 2020 pula operasi di Sambung memabitkan pergerakan seramai 585 pelajar dan 33 buah bas yang berlepas dari Dewan Tunku Canselor, UM ke 21 destinasi di Pantai Timur. Pada 5 Mei 2020 pula Operasi ini diteruskan untuk menghantar pulang 368 pelajar ke 14 destinasi Zon Selatan dengan menaiki 29 buah bas yang berlepas dari Dewan Tunku Canselor, UM.

Pada 6 Mei 2020 pula operasi penghantaran pelajar Nilam Puri Kelantan juga diteruskan ke zon utara (Kedah, Pulau Pinang & Perak) Misi ini mendapat kerjasama MKN, PDRM, KKM, HEP Universiti Malaya dan APIUM Nilam Puri.




Pelajar UM sangat gembira dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Malaysia. Dapatlah mereka bersama keluarga sempena Ramadan dan Aidilfitri nanti



Memory Lane

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA



U-MALAYA LIBRARY

Dunia dikejutkan dengan kemunculan virus baru yang bermula dari Negara China yang dinamakan Covid19. Virus ini telah menjadi pandemik di seluruh dunia menjelang akhir Januari 2020. Pada 31 Januari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan coronavirus sebagai darurat kesihatan dunia. Di Malaysia, kes Covid19 pertama dilaporkan adalah pada 23 Januari 2020 yang disahkan oleh Menteri kesihatan (ketika itu) membabitkan tiga warga China yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura. Sejak itu, Universiti Malaya telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Pusat Pengawasan Terpusat Covid-19 (Centralised Home Surveillance) yang diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Klinik Kesihatan Pelajar dengan kerjasama OSHE dan Kolej Kediaman Kesepuluh.

Dalam edisi kali ini, INSPIRE cuba mengupas dan mendalami usaha-usaha Universiti Malaya dalam mengekang pandemik Covid19 ini, khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui Klinik Kesihatan Pelajar, Kolej Kediaman Dalam Kampus dan Pemimpin Pelajar.

UM MEMERANGI COVID 19



Menurut Dr Zuraidah Mohamed, Pemangku Ketua Klinik Kesihatan Pelajar, Pusat Pengawasan Terpusat (PPT) mula beroperasi pada 5 Februari 2020 dan telah ditutup secara rasmi pada 5 April 2020. Pusat ini dibuka semula mengikut keperluan semasa. Menurut beliau antara tugas pusat ini adalah:

- Membuat saringan COVID-19 kepada pelajar dan staff UM yang mengikut garis panduan daripada KKM, KPT dan MKN
- Membuat contact tracing bagi kes kontak dengan pesakit positif COVID-19
- Berhubung dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dari masa ke semasa
- Merujuk pelajar dan staf ke kaunter COVID-19 Unit Kecemasan PPUM bagi kes PUI (Person Under Investigation)
- Membuat pemantauan harian bagi pelajar yang menginap di PPT
- Mengaktifkan talian Hotline KKP
- Bekerjasama dengan staff JPPHB, Keselamatan dalam urusan penginapan pelajar di RKU
- Membantu OSHE menyediakan SOP bagi Pelajar UM
- Beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan
- Menghadiri meeting taskforce UM secara berkala dan membantu menyediakan statistik untuk laporan Taskforce UM dan Bilik Gerakan UA
- Pengurusan bilik penginapan, pemberian makanan (3kali sehari) dan lain-lain keperluan kebajikan Pelajar

Sepanjang operasi selama 2 bulan, seramai 1070 orang pelajar UM dan 33 orang Staf UM telah melalui saringan COVID-19. Semua pelajar antarabangsa dan staf yang baru pulang daripada luar Negara akan disaring dan dikuarantin dan dirawat sekiranya ada jangkitan.



Kesimpulan jumlah Pelajar Dan Staf UM yang menjalani proses saringan COVID19 ehingga 8.4.2020 adalah seperti berikut:

JUMLAH SARINGAN 1070

JUMLAH PEMANTAUAN DI RUMAH 790

JUMLAH KUARANTIN PUSAT PENGAWASAN TERPUSAT 548

JUMLAH KUARANTIN DI RUMAH 242



CABARAN UM DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Pada 16 Mac 2020 Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan PKP berkuat kuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac di seluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19. PKP itu meliputi larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan Perintah Kawalan Pergerakan ini, orang ramai dinasihatkan supaya berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk memenuhi keperluan-keperluan asas. Selain itu, amalkan penjarakan sosial (social distancing) dari orang sekeliling demi mengelakkan jangkitan COVID-19. Ini menyebabkan Universiti Malaya sebagai institusi pendidikan terpaksa ditutup dan semua staf UM tidak dibenarkan ke kampus untuk bekerja kecuali bagi urusan yang dalam kategori 'essential services' seperti Klinik Kesihatan Pelajar dan Pejabat Keselamatan. Ramai pelajar UM yang masih menginap di kolej dan menyewa di luar berdekatan kampus tidak dibenarkan pulang ke kampung.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar UM memandang serius pandemik ini dan telah menubuhkan JK Pengurusan COVID-19 BHEP pada 24 Mac 2020 yang bertanggungjawab untuk mengurus, mengkoordinasi, menyelaraskan segala gerak kerja dan rancangan yang berkaitan dengan Pengurusan COVID-19 bagi Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Ini termasuklah urusan berkaitan kebajikan pelajar yang masih menginap di kolej kediaman dan pelajar yang masih menyewa di luar kampus. Urusan ini termasuk urusan makan minum pelajar, bantuan sokongan psikososial, pantauan kesihatan pelajar, urusan sumbangan bantuan makanan, penerimaan tajaan dan sumbangan keperluan harian daripada luar, urusan kepulangan pelajar ke kampung dan rawatan pelajar yang kurang sihat. Jawatankuasa Pengurusan Covid 19 ini kemudiannya dibesarkan dengan penglibatan beberapa PTJ lain seperti Pejabat Keselamatan, Pejabat Pendaftar, Jabatan Harta Benda dan OSHE.

Menurut Prof Ir Dr Abdul Aziz Abdul Raman, TNC HEP, „Dalam tempoh PKP ini, pihak Universiti amat memberikan perhatian kepada kebajikan pelajar telah bersetuju mengecualikan bayaran sewa penginapan kepada lebih kurang 1700 pelajar yang menginap di Kolej Kediaman Kuala Lumpur dan Nilam Puri. Pelajar turut diberikan makanan percuma bagi sarapan pagi, makan tengahari dan makan malam. Pelajar turut akan diberikan rawatan di Klinik Kesihatan Pelajar sepanjang tempoh PKP. Pelajar juga tidak perlu risau tentang makanan mereka semasa bulan Ramadan..”

BAGAIMANA KOLEJ MENGHADAPI PKP?

INSPIRE cuba mendapatkan pandangan dan usaha yang telah dilakukan oleh Kolej Kediaman dalam menghadapi tempoh PKP bermula 18 Mac 2020, kemudian dilanjutkan sehingga 12 Mei 2020. Kami ingin berkongsi apa yang telah dilakukan oleh Kolej Kediaman Kelima dan Kolej Kedua Dua Belas.

BAGAIMANA PIHAK KOLEJ MEMBANTU PIHAK UM DALAM MEMERANGI COVID19 DI UM ?

Bagi Kolej Kediaman Kelima, terdapat lebih kurang 172 orang pelajar berada di kolej. Bermulanya penguatkuasaan PKP ini, pihak pengurusan mula mengumpulkan maklumat pelajar-pelajar yang berada di kolej untuk mendapatkan data yang lengkap. Pelbagai bantuan mula disalurkan kepada para pelajar antaranya adalah penyediaan makanan harian yang meliputi sarapan pagi, makan tengahari dan malam secara percuma”

BAGAIMANA PIHAK KOLEJ MENERANGKAN KEPADA PELAJAR TENTANG ARAHAN PKP DAN APA CABARAN YANG KOLEJ HADAPI?

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pada peringkat awal PKP, para pelajar berada dalam keadaan antara teruja dan boleh menerima apa yang berlaku. Namun, berdasarkan kepada pemerhatian, apabila pengumuman pelanjutan tempoh PKP Fasa ke 2, keadaan mungkin agak berbeza bagi sekumpulan kecil pelajar yang mula rasa rindu kepada keluarga. Tambahan pula pergerakan yang terhad ini menjadikan mereka mula merasa sunyi. Oleh itu, bagi memastikan tahap kesihatan fizikal dan mental para pelajar sentiasa terjaga, pihak kolej yang terdiri daripada pengetua dan barisan felo sentiasa berhubung dengan pelajar menerusi aplikasi Whatsapp berkumpulan, perjumpaan dengan pelajar-pelajar serta terlibat dengan program yang dijalankan oleh Seksyen Pengurusan Psikologi dan Kaunseling seperti Program Lawatan Sosial Kolej Kediaman Universiti Malaya.

APAKAH AKTIVITI YANG DISUSUN KOLEJ UNTUK PELAJAR YANG MASIH MENGINAP DI KOLEJ SEMASA TEMP OH PKP?

Bagi mengisi masa mereka semasa tempoh PKP di kolej kediaman, para pelajar terlibat dengan pelbagai aktiviti termasuklah menderma darah iaitu satu program kolaborasi Kolej-Kolej Kediaman dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti Malaya. Program ini bagi membantu Pusat Perubatan Universiti Malaya meneruskan perkhidmatan transfusi dalam tempoh PKP ini. Pada masa yang sama terdapat sekumpulan pelajar Kolej Kediaman yang berkolaborasi dengan beberapa NGO untuk menghasilkan Face Shield COVID 19 bagi kegunaan Pusat Perubatan Universiti Malaya dan juga hospital-hospital lain. Aktiviti ini berpusat di Kolej Kediaman Kelima dan seterusnya disertai oleh kolej-kolej kediaman yang lain.



Prof. Madya Dr Jal Zabdi Mohd Yusoff
Pengetua Kolej Kediaman Kelima

Di samping itu, terdapat juga aktiviti keagamaan yang dijalankan oleh para pelajar menggunakan *Instagram Live* iaitu Program Mari Mengaji Bersama yang dikendalikan oleh Saudara Muhammad Suhaimi Muliadi dan Saudara Muhammad Naqib Harmi. Bersempena dengan bulan Ramadhan ini, pihak Kolej Kediaman Kelima juga ada merancang beberapa program yang akan dijalankan di atas talian menerusi media-media sosial seperti *Quotes Ramadhan* dan *Tazkirah Pendek*.

APAKAH RANCANGAN KOLEJ BAGI MENERUSKAN OPERASI SETELAH TEMP OH PKP TAMAT DAN PELAJAR DIBENARKAN BALIK KE KAMPUS UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN.?

Apa yang pasti, kita semua akan berhadapan dengan normal baharu atau new normal selepas ini. Kehidupan pastinya tidak sama seperti dahulu tapi ia harus diteruskan. Oleh itu, dalam mendepani tempoh pasca PKP ini, pihak pengurusan Kolej Kediaman serta para pelajar harus bersedia menggunakan ruang dan peluang yang ada untuk sama-sama memastikan apa yang dihasratkan kepada sebuah kolej kediaman dan seorang pelajar dapat direalisasikan dengan limitasi ini. Para pelajar harus memastikan tahap kebersihan diri yang tinggi, penjarakan sosial diteruskan dan tidak mengadakan perhimpunan melibatkan ramai orang.

APAKAH HARAPAN TUAN DALAM MALAYSIA HADAPI COVID 19?

Akhir sekali, adalah menjadi harapan kami agar penularan virus COVID 19 ini dapat dihentikan. Tanggungjawab untuk memutuskan rantaian penularan virus COVID 19 ini merupakan tanggungjawab semua pihak termasuklah pihak pengurusan kolej kediaman dan para pelajar.

Bersama kita bersatu untuk memerangi COVID 19. *UM is One.*





Prof. Madya Dr Nahrizul Adib Kadri, Pengetua Kolej Kediaman Kedua Belas

BAGAIMANA PIHAK KOLEJ MEMBANTU PIHAK UM DALAM MEMERANGI COVID19 DI UM?

Pihak Kolej Kediaman Kedua Belas sentiasa memberikan sokongan padu kepada Universiti Malaya dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam memerangi COVID19. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah pembatalan semua projek dan kegiatan pelajar yang melibatkan perhimpunan beramai-ramai, mengumpulkan data pelajar yang menetap di kolej sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, menjaga penjarakan sosial pelajar terutama ketika pengagihan makanan, menyediakan lokasi yang sesuai untuk pelajar mengambil barang pos dan memantau aktiviti pelajar dan mengingatkan pelajar untuk mematuhi arahan kerajaan dan universiti dari semasa ke semasa.

BAGAIMANA PIHAK KOLEJ MENERANGKAN KEPADA PELAJAR TENTANG ARAHAN PKP DAN APA CABARAN YANG KOLEJ HADAPI?

Untuk mencapai hasrat tersebut, komunikasi kepada pelajar dipertingkatkan melalui media sosial rasmi, facebook, Instagram dan aplikasi whatsapp. Pihak kolej telah membuat kumpulan whatsapp khusus untuk para pelajar yang menetap di kolej sempena PKP. Setiap hari felo bertugas akan berkomunikasi dengan pelajar. Nombor telefon felo juga ditampal di setiap aras. Felo juga bertugas menjaga kaunter pengambilan makanan untuk mengagihkan makanan sekaligus menjadi tempat aduan pelajar sekiranya menghadapi apa-apa masalah berkaitan makanan, kesihatan mahupun keselamatan. Antara cabaran yang dihadapi adalah para pelajar kurang peka dengan informasi yang diberikan dan sebahagian pelajar juga sering mendesak untuk diberi kebenaran untuk keluar dari kampus tanpa alasan yang kuat.

APAKAH AKTIVITI YANG DISUSUN KOLEJ UNTUK PELAJAR YANG MASIH MENGINAP DI KOLEJ SEMASA TEMPOH PKP?

Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuklah kuliah agama atas talian. Pengisian ini memberikan motivasi kepada pelajar yang mula merasakan tekanan dalam tempoh kawalan pergerakan. Selain itu, pertandingan video berkaitan amalan murni semasa Perintah Kawalan Pergerakan turut dijalankan. Pihak kolej turut memberikan sumbangan bakti kepada masyarakat baik dari pelbagai aspek. Pengetua Kolej, Profesor Madya Dr. Nahrizul Adib Kadri telah terlibat mencipta prototaip yang diberi nama SAUNA32 yang boleh membantu membendung wabak Covid19. Setiausaha Kolej, Dr Mohd Istajib pula, menulis pelbagai puisi kesedaran Covid19 yang akan diterbitkan oleh Antologi Betapa Berat, Wacana MKN. Dr Nor Eeza, bendahari kolej, bertungkus lumus mengumpul tudung terpakai untuk kegunaan kepada pihak PPUM. Begitu juga dengan Setiausaha Caretaker JTK, Riyona Hidayat, yang aktif memberikan bantuan pelajar melalui Persatuan Anak Johor. Sempena dengan Ramadan ini, aktiviti kuliah secara atas talian akan diteruskan sepanjang Ramadan. Poster-poster berkaitan amalan di bulan Ramadan juga akan diedarkan. Pelajar digalakkan menghidupkan Ramadan di bilik masing-masing.

APAKAH RANCANGAN KOLEJ BAGI MENERUSKAN OPERASI SETELAH TEMPOH PKP TAMAT DAN PELAJAR DIBENARKAN BALIK KE KAMPUS UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN?

Selepas PKP tamat, pelbagai lagi aktiviti atas talian akan dilaksanakan seperti e-sport. Para pelajar akan sentiasa diingatkan untuk menjaga kebersihan. Pihak kolej juga akan peka dengan perkhidmatan WIFI kerana kuliah akan dijalankan secara atas talian. Pihak kolej akan sentiasa menyampaikan maklumat akademik dan kebajikan pelajar dari semasa ke semasa.

APAKAH HARAPAN TUAN DALAM MALAYSIA HADAPI COVID 19?

Harapan saya ialah supaya kita semua yakin yang ini adalah ujian dari Allah yang terbaik untuk kita, dan kita semua hadapinya dengan tenang dan teratur. Kita ikut perancangan kerajaan melalui PKP dan arahan dari semasa ke semasa, semoga impak wabak ini dapat diminimumkan dan kita semua kembali berkerja kuat untuk membangunkan negara. Setiap daripada kita ada peranan yang harus dimainkan bersama.



PERANAN PELAJAR DALAM MEMERANGI COVID 19

INSPIRE turut mendapatkan pandangan pimpinan pelajar tentang cabaran dan peranan yang dimainkan oleh pelajar dalam menghadapi Covid19 dan PKP di UM. Kami mendapatkan pandangan Saudara Muhammad 'Afif Mohd Pauzi, Presiden JTK Caretaker Kolej Kediaman Pertama.



BAGAIMANA PENERIMAAN PELAJAR UM TERHADAP UJIAN COVID 19 DAN ARAHAN PKP YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN?

Pada mulanya, kebanyakan pelajar agak terkesan dengan implementasi PKP, namun begitu, semua pelajar faham akan kepentingan arahan tersebut, iaitu untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19. Setelah sebulan lebih PKP dilaksanakan, rata-rata pelajar telah menyesuaikan diri dengan kehidupan di kolej walaupun mereka semua ingin pulang ke pangkuan keluarga masing-masing.

BAGAIMANA PELAJAR BOLEH MEMBANTU UNIVERSITI DAN NEGARA DALAM MEMERANGI COVID 19?

Seperti yang diutuskan YAB Perdana Menteri, semua rakyat Malaysia mestilah patuh kepada arahan PKP dan *just stay at home*. Jadi dengan menyahut dan mematuhi nasihat YAB Perdana Menteri, mahasiswa juga dapat sedikit sebanyak menyumbang kepada negara dalam usaha memerangi COVID-19. Selain itu, mahasiswa juga boleh memberikan sokongan dan bantuan kepada pasukan frontliner kita yang sedang bertarung nyawa untuk memerangi wabak ini.



APAKAH AKTIVITI YANG TELAH DILAKUKAN OLEH PELAJAR DALAM TEMPOH PKP?

Sepanjang tempoh PKP ini, JTK KKI telah banyak melakukan aktiviti melalui media sosial, terutamanya melalui Instagram. Aktiviti seperti Bingo ASTAR telah diadakan untuk mengisi masa lapang warga ASTAR. Selain itu, pihak kolej juga telah mengadakan kempen Derma Darah Kecemasan dengan kerjasama pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajara (BHPEP) UM, Jabatan Perubatan Transfusi, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan juga Klinik Kesihatan Pelajar (KKP) pada 9 April 2020 bertempat di Dewan Tun Perak Kolej Kediaman Pertama.

Di samping itu, pihak kolej juga telah melaksanakan projek khas kebajikan kepada Petugas Barisan Hadapan Frontliners dan telah berjaya menyiapkan sebanyak 2,206 face shield.



APAKAH CADANGAN BENTUK AKTIVITI YANG BOLEH DIADAKAN OLEH PELAJAR SEMASA RAMADAN BAGI MEREKA YG MASIH MENGINAP DI KAMPUS?

Aktiviti-aktiviti yang biasa dijalankan sewaktu bulan Ramadan seperti solat tarawih, moreh dan juga iftar tidak dapat dijalankan disebabkan oleh wabak Covid-19 ini. Justeru, kami bercadang untuk mengadakan solat tarawih di bilik, aktiviti Khatam Al-Quran dan sebagainya.

APAKAH HARAPAN ANDA DALAM USAHA KITA MENGHAPUS COVID 19?

Akhir sekali, Harapan kami di barisan JTK KKI adalah untuk negara kita kembali pulih seperti sedia kala. Bukan sahaja mahasiswa, malahan semua rakyat Malaysia terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini. Jadi doa kami hanyalah agar kehidupan kita semua akan kembali seperti biasa. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada kerajaan Malaysia serta pihak pengurusan Universiti Malaya kerana sentiasa menjaga kebajikan pelajar yang menginap di kampus sepanjang PKP ini berlangsung.

Kami juga mendapatkan pandangan Sdr Saudara Muhammad Haziq Azfar Bin Ishak YDP KMUM, Universiti Malaya

BAGAIMANA PENERIMAAN PELAJAR UM TERHADAP UJIAN COVID 19 DAN ARAHAN PKP YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN?

Secara umumnya, mahasiswa agak terkejut dan tidak bersedia dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan pada malam 16 Mac 2020, termasuklah kebanyakan mahasiswa agak bingung dengan perbezaan arahan berkaitan pengosongan kampus oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada petang 17 Mac 2020. Walau bagaimanapun, semuanya dicerahkan dan mahasiswa boleh memilih sama ada untuk pulang ke rumah atau tinggal di kampus sepanjang tempoh PKP.

Saya boleh bahagikan ujian Covid-19 kepada dua bahagian utama. Pertama, kegiatan sosial rakan-rakan mahasiswa yang terbatas termasuklah pergerakan dan aktiviti. KMUM sebagai entiti yang meluluskan program badan persatuan sendiri melihat walaupun banyak program badan persatuan yang terpaksa ditangguhkan dan dibatalkan atas sebab pandemik Covid-19, kebanyakannya mengambil inisiatif mengalihkan medium pelaksanaan aktiviti atas talian seperti webinar dan forum atas talian. Walaupun menghadapi kekangan pergerakan, rata-rata rakan mahasiswa cuba beradaptasi dengan norma baharu ini. Begitu juga dengan kegiatan akademik yang diteruskan melalui mod pembelajaran atas talian, walaupun saya yakin ramai rakan-rakan yang lebih memilih pembelajaran secara bersemuka, tetapi dalam keadaan sekarang yang menghalang kita untuk berhimpun selama hampir setahun, pembelajaran atas talian bukanlah lagi satu pilihan malahan sebagai norma baharu. Rakan-rakan mahasiswa sekarang sedang giat berjinak-jinak dengan aplikasi *teleconference* seperti *Google Hangout*, *Webex*, *Zoom* dan *Microsoft Teams*. Ada yang sudah biasa menggunakannya tetapi ramai juga yang buat kali pertama mencubanya. Satu perkara yang boleh saya simpulkan adalah sekalipun kegiatan mahasiswa terbatas akibat perintah PKP dan pandemik Covid-19, rakan-rakan tetap mengekalkan momentum produktiviti termasuklah meneruskan perkara yang boleh diteruskan

BAGAIMANA PELAJAR BOLEH MEMBANTU UNIVERSITI DAN NEGARA DALAM MEMERANGI COVID 19?

Dalam tempoh PKP ini, Mahasiswa telah melakukan pengorbanan dan menyumbang besar kepada usaha mengelakkan penularan wabak Covid-19, walaupun terpaksa berpisah dengan keluarga. Mahasiswa sebenarnya boleh memainkan peranannya membantu barisan hadapan (frontliners) yang merupakan panglima-panglima perang dalam memerangi Covid-19, terutamanya menerusi aktiviti kesukarelawanan. Sebagai contohnya, inisiatif *Face Shield Heroes* yang merupakan inisiatif mencipta penghadang muka bagi kegunaan barisan hadapan buat kakitangan hospital oleh Persatuan Belia Harmoni Universiti Malaya bersama dengan badan-badan bukan kerajaan yang lain adalah satu bukti bahawa mahasiswa turut boleh menyertai perang bersama barisan hadapan melawan Covid-19.

APAKAH AKTIVITI YANG TELAH DILAKUKAN OLEH KMUM DALAM TEMPOH PKP KHUSUSNYA BERKAIT KEBAJIKAN PELAJAR?

KMUM telah memperkenalkan dua belas inisiatif bagi membantu rakan-rakan mahasiswa khususnya bersempena dengan tempoh PKP ini. Inisiatif tersebut adalah :-

1. Mewujudkan Jawatankuasa Aduan dan Kebajikan KMUM sepanjang tempoh PKP.
2. Membekukan semua kelulusan program dan subsidi badan persatuan sehingga 30 April 2020.
3. Membuka perkhidmatan Rumah Sewa KMUM secara percuma kepada yang memerlukan sepanjang tempoh PKP.
4. Mengedarkan makanan percuma secara berkala dalam kampus (sebelum pengumuman makanan percuma kerajaan).
5. Edaran Bantuan Barangan Keperluan Asas Secara Sekali Beri kepada mahasiswa luar kampus yang terpilih.
6. Subsidi makanan kepada penghuni Rumah Sewa KMUM yang bernilai RM140 seorang.
7. Potongan/diskaun bayaran sewa Rumah Sewa KMUM sebanyak 90% kepada penyewa sepanjang bulan April.
8. Pemberian Bantuan Wang Saku KMUM kepada mahasiswa luar kampus yang terpilih berdasarkan saringan.
9. Penyediaan Proposal Berkaitan Dasar Kampus Sempena COVID19 berkaitan polisi universiti berkaitan mod pembelajaran atas talian dan pengurangan yuran.
10. Membantu Unit Luar Kampus HEP UM bersama-sama mendapatkan bekalan keperluan Off Campus Dry Food Supplies.
11. Menyediakan Inisiatif Penerbangan Mahasiswa ke Sabah & Sarawak dengan kerjasama Malaysia Airlines Berhad bagi mendapatkan tambang yang berpatutan - untuk mahasiswa Sabah dan Sarawak pulang ke rumah.
12. Menulis Surat Terbuka Untuk Penyewa Rumah Sewa di sekitar Universiti Malaya dengan kerjasama Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Fahmi Fadzil - bagi memujuk tuan rumah mengurangkan/menangguhkan bayaran sewa mahasiswa UM.

APAKAH CADANGAN BENTUK AKTIVITI YANG BOLEH DIADAKAN OLEH PELAJAR SEMASA RAMADAN BAGI MEREKA YANG MASIH MENGINAP DI KAMPUS?

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, rakan-rakan mahasiswa yang beragama Islam masih boleh menyertai aktiviti kerohanian seperti Tadarus Al-Quran dan Tadabbur al-Quran secara atas talian. Terdapat banyak badan persatuan yang melaksanakan aktiviti ini secara atas talian seperti Projek Khatam Al-Quran Bersiri Persatuan Mahasiswa Islam UM (PMIUM) dan Program Jaulah Ramadan anjuran Kesatuan Mahasiswa UM Akademi Pengajian Islam (KMUM-API) termasuklah program Lensa Ilmu, Bicara Murabbi, perkongsian Sirah Nabawiyah dan siri Tadabbur al-Quran yang dijalankan atas talian keseluruhannya yang boleh disertai oleh rakan-rakan di kampus. Selain itu membaca buku, satu aktiviti yang hanya boleh dibuat dengan lebih berfokus ketika tempoh PKP ini. Saya sendiri telah menerima pelbagai hadiah berbentuk buku dan dapat membaca buku-buku tersebut dengan lebih fokus ketika musim PKP ini.



APAKAH HARAPAN KMUM DALAM USAHA KITA MENGHAPUS COVID 19.

Secara umumnya, harapan KMUM adalah supaya setiap warga Universiti Malaya memainkan peranannya memerangi Covid-19 tetapi dalam masa yang sama tetap mengekalkan keunggulan universiti melalui warganya yang produktif. Setiap warga universiti sebagai satu pasukan mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan, kegagalan sesetengah warganya memainkan peranan sebagai team player memungkinkan usaha kita menghapus Covid19 menuju kegagalan.

Kami di INSPIRE juga berharap agar pandemik ni akan berakhir dengan segera di bumi Malaysia. Langkah-langkah yang diambil oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menampakkan hasil meratakan jangkitan Covid19. Semasa artikel ini sedang ditulis juga, UM sedang menguruskan usaha kepulangan pelajar-pelajar UM ke kampung masing masing khususnya ke Zon Hijau.

UG's Message

Dear students,

I hope you are well and safe. We are living in unprecedented times. It looks as though the COVID-19 pandemic is here to stay for a while more. The situation may appear surreal and daunting. It can get the best of us but we need to come to grips with what we are experiencing. We need to keep ourselves safe and help keep others safe. For this, efforts with social distancing will need to continue for many more months to come.


The University is making quite a few changes to manage the impact of this disruption. We are turning things around through careful planning, effective execution, and focused resolve. For the first time ever we are embarking on full e-Learning and alternative delivery methods. The academic calendar has also been adjusted to support all aspects of teaching and learning as best as we can. Alternative methods of assessment are also being devised.

I understand you may have many concerns. Will you have access to network? Will you be supported with assistive devices for learning? How will industrial training be undertaken? How will final examination be conducted? How will you cope being away from the usual closeness of your network of friends? I know these are just some such concerns. Do not worry. Our staff will be at hand to support you and see you through this semester and beyond.

Rest assured the University is committed to ensuring that all aspects of teaching, learning and research will be looked into as we navigate our way through this challenging period. We will ensure we minimise disruptions to your studies. We are working around the clock to deliver a great Universiti Malaya experience. Please bear with us as we all adjust.

I am grateful for your support and understanding.

Abdul Rahim Hashim



Dear students,

I am thankful that after spending more than a month on campus due to the Movement Control Order, you are finally able to be reunited with your loved ones. The university works tirelessly in preparation of this and we hope that everything turns out well, InsyaAllah.

Please take extra care during your journey back by maintaining social distancing, wearing mask and other safety measures. Remember to keep up with your studies and attend your online classes.

My highest appreciation to the Ministry of Higher Education for providing us the timely guidance and support that enable our efforts to come to fruition.

I wish a pleasant and safe journey to all of you.

Sincerely,

Abdul Rahim Hashim

PENGURUSAN STRESS SEMASA COVID-19


TERAPI

Dunia dikejutkan dengan pandemik virus koronavirus (Covid-19) pada hujung tahun 2019. Rakyat Malaysia juga tidak terkecuali dijangkiti positif dengan virus ini. Justeru itu, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan untuk menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 bagi memutuskan rangkaian virus ini.

Hal ini mencetuskan panik dan tekanan kepada setiap individu tidak kira agama dan bangsa. Antara punca stress adalah tidak dapat meneruskan rutin yang sedia ada, takut dijangkiti virus dan panik jika barang keperluan harian tidak mencukupi. Stress ini boleh diuruskan dengan membuat rutin baharu, bersenam di dalam rumah, mempelajari kemahiran baharu, kekal berhubung dan meditasi.

Disediakan oleh:

Puan Vijayah Malar a/p Palanisamy
Pegawai Psikologi Kanan, HEP



1. MEMBUAT RUTIN HARIAN BAHARU

Rutin harian sangat penting untuk setiap individu. Hal ini bagi memastikan kita dapat memaksimumkan penggunaan masa dalam sehari. Dengan adanya rutin harian, aktiviti membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah dapat dielakkan. Sebagai contoh, kita boleh membuat jadual harian bagi memastikan kita mempunyai garis panduan untuk diikuti. Apabila rutin harian kita lebih teratur, stress yang tidak sihat dapat dikurangkan.

2. BERSENAM DI DALAM RUMAH

Senaman ialah pergerakan badan yang dilakukan secara berulang kali secara terancang dan berstruktur. Dengan bersenam, kita boleh meningkatkan dan mengekalkan satu atau lebih komponen kecergasan fizikal. Secara tidak langsung, paras tekanan dapat dikurangkan. Aktiviti senaman boleh dilakukan di mana-mana sahaja termasuklah di dalam rumah. Senaman yoga, angkat berat dan senaman aerobik adalah contoh senaman yang boleh dilakukan di dalam rumah.

3. MEMPELAJARI KEMAHIRAN BAHARU

Banyak kemahiran yang boleh dipelajari semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebagai contoh, kemahiran memasak, muzikal, bertukang dan juga bercucuk tanam. Dengan mempelajari kemahiran baharu, secara tidak langsung kita dapat menjadikan hobi baharu dan juga dapat mengurangkan stress akibat tidak dapat melakukan aktiviti luar daripada rumah.

4. KEKAL BERHUBUNG

Tempoh PKP merupakan masa yang sesuai untuk kita kekal berhubung dengan saudara-mara dan rakan-rakan. Kita boleh mengisi masa dengan mengeratkan lagi hubungan silaturahim. Hal ini penting kerana untuk mengelakkan kita berasa keseronangan dan mendapat sokongan emosi daripada orang sekeliling. Perkara ini juga dapat mengurangkan tekanan antara satu sama lain walaupun hanya berhubung di alam maya sahaja.

5. MEDITASI/LATIHAN PENAFASAN YANG BETUL

Stress juga dapat dikurangkan dengan meditasi seperti teknik pernafasan. Dengan mengamalkan teknik pernafasan dengan betul, kita boleh menjadi lebih tenang ketika berhadapan dengan situasi yang tegang. Pertukaran oksigen dan karbon dioksida dapat ditingkatkan dan membuatkan peredaran darah meningkat dan ketegangan berkurang. Latihan teknik pernafasan dapat dilakukan dengan memilih satu keadaan yang tiada gangguan dan selesa.

1. Tarik nafas perlahan-lahan
2. Terapkan perasaan lega setiap hembusan nafas keluar.
3. Ulangi langkah-langkah tersebut sehingga merasa tenang dan relaks.

APA ITU CORONAVIRUS

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Novel Coronavirus 2019 (COVID-19). Jangkitan coronavirus menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.

BAGAIMANA NOVEL CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) BOLEH BERJANGKIT

COVID-19 adalah strain baru yang sebelum ini tidak pernah dikenalpasti. Berdasarkan maklumat terkini, COVID-19 berjangkit dari individu ke individu melalui titisan pernafasan atau sentuhan.

COVID -19 boleh berjangkit melalui:

- A. Batuk dan bersin oleh individu bergejala.
- B. Sentuhan dengan individu bergejala.
- C. Menyentuh permukaan yang telah tercemar dengan virus.

BAGAIMANA INDIVIDU YANG DIJANGKITI BOLEH MENGELOK DARIPADA MENJANGKITI ORANG LAIN

- A. Pakai penutup mulut dan hidung.
- B. Tutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk dan bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan basuh tangan dengan sabun dan air atau hand sanitizer.
- C. Sentiasa menjaga kebersihan diri.

BAGAIMANA MENCEGAH DARIPADA DIJANGKITI

- A. Jarakkan diri sekurang-kurangnya satu meter dari individu bergejala seperti demam, batuk dan bersin.
- B. Amalkan tahap kebersihan diri yang tinggi setiap masa seperti kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau hand sanitizer.
- C. Elak sentuh mata, hidung dan mulut dengan kerap.
- D. Pakai penutup mulut dan hidung jika berada di tempat tumpuan ramai.
- E. Elak daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala dan melawat ke negara wabak.

5 TAHAP JANGKITAN COVID-19 DI PADA MANUSIA

- Tahap 1 - tidak bergejala.
- Tahap 2 - bergejala tanpa radang paru-paru.
- Tahap 3 - bergejala dengan radang paru-paru.
- Tahap 4 - bergejala, terdapat radang paru-paru dan memerlukan bantuan oksigen.
- Tahap 5 - pesakit kritikal dengan penglibatan multiorgan.

KES-KES YANG DISYAKI PUI

Jangkitan pernafasan akut (jangkitan pernafasan mengejut dengan sekurang-kurangnya satu gejala: sesak nafas, batuk atau sakit tekak) dengan atau tanpa demam
Dan
Berkunjung ke/tinggal di negara asing dalam masa 14 hari sebelum onset penyakit.
Atau
Kontak rapat dengan kes COVID-19 dalam masa 14 hari sebelum onset penyakit.
Atau
Menghadiri perhimpunan/program yang berkaitan dengan kluster wabak COVID-19.

APAKAH GEJALA-GEJALA COVID-19



Jom Sihat

Disediakan oleh: Dr. Zuraidah binti Mohamed



RAMADHAN DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN: KEKANGANGAN ATAU PELUANG

oleh: Mizra Hilmi Abu Bakar | Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, HEP



Ramai yang mula mengeluh kerana sambutan Ramadhan tahun ini amat berbeza dengan Ramadhan pada tahun-tahun sebelum ini.


Kalau kita masih lagi memikirkan tentang 'sambutan' maka kita pasti akan melalui Ramadhan dengan penuh pilu, kerana maksud sambutan itu sendiri telah memberi satu konotasi yang akan pastinya tentang 'kemeriahan' dan 'kegembiraan'.

Sebagai menyahut saranan serta patuh dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pastinya elemen kemeriahan itu tidak lagi akan dinikmati oleh kita semua. Tiada lagi kemeriahan lauk-pauk di bazar Ramadhan. Tiada lagi sambutan awal Ramadhan dan berbuka puasa bersama ibu bapa di kampung. Bahkan tiada lagi laungan selawat yang berselang-seli antara setiap 2 rakaat solat tarawih di masjid-masjid.

Maka, jika kita tidak benar-benar mengamati manfaat sebenar sebuah hadiah bernama Ramadhan yang dikurniakan khas oleh Allah SWT buat ummat Muhammad iaitu kita semua, ingatlah bahawa Ramadhan kali ini akan tetap meninggalkan kita bila sampai masanya. Kita pula akan menatap kerugian kerana telah mensia-siakan kedatangan Ramadhan kali ini.

Sedangkan Ramadhan merupakan bulan untuk kita mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Apa jua yang berlaku, kita perlu menggunakan ruang dan peluang serta memberi fokus kepada segala ibadat dan kebajikan untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin supaya dapat kita tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT.

Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 183:



Yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu untuk berpuasa sebagaimana yang telah diwajibkan ke atas orang-orang sebelum daripada kamu, moga-moga kamu bertakwa."

Frasa akhir dari ayat 183 ini iaitu "moga-moga kamu bertakwa" bermakna taqwa bukanlah suatu takdir yang telah ditetapkan oleh Allah untuk seseorang, tetapi ia perlukan usaha daripada kita. Kita yang perlu berpuasa dan menunaikan segala ibadat serta melaksanakan sebanyak mungkin kebajikan. Inilah caranya untuk kita memantapkan ketaqwaan kita kepada Allah tuhan sekalian alam.

Salah satu ciri wujudnya ketaqwaan kita kepada Allah ialah perlu redha dengan segala ketentuan dan ujian. Covid-19 ini merupakan ujian besar bukan sahaja untuk kita tetapi untuk seluruh dunia. Perlu kita faham dengan jelas maksud redha iaitu menerima ketentuan dengan hati yang tenang sekaligus hadapi ketentuan itu dengan cara yang terbaik.

Justeru, seharusnya kita gunakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini sebagai peluang untuk kita tingkatkan amal ibadat bersama ahli keluarga kita yang berada bersama kita di rumah. Kita patut zahirkan rasa syukur kerana tiada lagi kesesakan lalu lintas yang perlu kita hadap setiap petang untuk pulang dari tempat kerja ke rumah. Tiada lagi keletihan dan kelesuan atas jalan. Kita ada cukup masa rehat. Tahun ini sepatutnya qiyamullail boleh dijadikan rutin seharian sepanjang Ramadhan.

Ketiadaan solat tarawih berjemaah di masjid memberi peluang kepada kita untuk amalkan solat bersama-sama dengan keluarga.

Sedekah jariah masih boleh kita laksanakan secara online kepada adik-beradik kita, jiran-jiran kita atau rakan taulan kita yang terjejas sepanjang PKP ini.

Hakikatnya, semua ini amat bergantung kepada kita. Sama ada kita mencipta seribu alasan untuk melalui Ramadhan tahun ini dengan lesu dan tidak bermaya atau kita mencipta ruang untuk menjadikan Ramadhan tahun ini amat cemerlang dan bermakna.

PKP DAN KEBOSANAN

Kalian takkan kebosanan
walau bersendirian
selagi berteman
al-Furqan

Ramai menonton damai di luar hati
tak merasa aman dalam kurungan
sedangkan tenteram di dalam hati
tetap tenang walau bersendirian

Seperti kisah pemuda taqwa
dihunus virus kezaliman kuasa
300 tahun dikuarantin di guna
lalu keluar menyaksikan sejahtera

Seperti kisah semut diperintah ratu
sembunyi di sarang sementara waktu
ancaman nyawa semakin dekat dihidu
tentera Sulaiman sedang laju menuju

Ribuan hidangan surah dilayar
untuk tontonan jiwa yang lapar
skrip Tuhan dari kisah sebenar
tayangan cuma percuma tersiar
tetapi masih tidak juga diiktibar
masih memilih siaran berbayar

Sungguh, kehidupan bukan hanya gajet mainan
laju dizikirkan dua tangan lalu dicaskan tekanan

Kalian tak bersendirian
walau kebosanan
selagi berteman
al-Furqan

Dr Mohd Istajib Mokhtar
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains
Felo/Setiausaha
Kolej Kediaman Raja Dr. Nazrin Shah,
Universiti Malaya

DERITA COVID-19

Tidak ada pertemuan kali ini
Silaturrahim kita sudah berubah
Pertemuan akan membunuh kita semua
Dari derap kecil tentera Tuhan.

Dimana-mana
Hidup adalah perjuangan
Ibu terpisah dengan anak
Suami bercerai dengan isteri
Abang terasing dengan adik.

Dan diantara waktu ini
Nyawa-nyawa terkorban
Barisan hadapan siap bersiaga
Menerobos segala liku-liku kehidupan.

Semua ini akan berlalu
Derita Covid-19 adalah pengajaran
Supaya kita umat manusia
Tidak bongkak dengan segala
Hal-hal dunia yang sementara.

11 April 2020,
Mohamad Fais Bin Jusoh
Akademi Pengajian Melayu



Sebaik Mehnah

Halisa Samsuddin
Tahun 3,
Sarjana Muda Pendidikan Islam
22042020
Keningau, Sabah.

Duduk rumah,
Dengar alam melepas nada,
Lihat alam beraksi lincah.

Putuskan rantai wabak,
Biar tanah menimbus koyak,
Hijauan tumbuh mengubat sesak.

Patuh perintah tanpa serik,
Derum enjin ganti pekik cengkerik,
Festival merdu irama daun bergesek.

Tak mengerti,
Kala bermati-matian kita berbudi,
Masih ada lagi yang tak memahami?

PUISI COVID-19

"CROWN"

SAADAH JAUHARI

Tiada salam diberi engkau hadir seperti khabar duka.
Ramai yang mempersoalkan siapa dikau?
Memakai "crown" sehingga engkau diberi nama
Corona.

Engkau berjaya menggunakan kuasa "crown" untuk
menakhluk dunia.
Tetapi janganlah lupa bahawa engkau juga makhluk-
Nya.

Dari timur ke barat, semua perhatian hanya
kepadamu.
Malah semua urusan harian manusia telah berubah
sepenuhnya.

Ramai yang telah menjadi mangsamu tanpa
mengira bangsa mahupun agama.

Mungkin ini peringatan dari yang Maha Esa.
Hal duniawi menjadi perkara utama kehidupan
manusia.
Sampai terleka akan adanya kehidupan yang kekal
abadi di sana.

Sejarah yang tercatat di dalam kitab sebagai
pengajaran bagi umat akhir zaman.

Jentikan yang diberi menepuk hati, menusuk ke
dasar.
agar dapat dibuat iktibar.
Dalam mencari keredhaan buat kita sebagai hamba-
Nya.

wassalam





MUSA MAHMUD ZAIM,
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran



UM@Komuniti adalah salah satu program inisiatif BHEP untuk mengumpulkan program-program seperti kerja-kerja sukarelawan, sumbangan, latihan, bantuan dan sebagainya kepada masyarakat terutamanya di sekitar lembah pantai. Pada tahun 2020 terdapat satu program utama di bawah UM @ Komuniti iaitu-



UM@KOMUNITI
Bersama Mempelkasa Komuniti

PROGRAM SEKOLAHKU, UNIVERSITIKU

Program ini adalah kesinambungan program tahun 2019. Ia merupakan program jangka panjang selama dua tahun iaitu program baik pulih dan infrastruktur dan fasiliti sekolah dan pembangunan sahsiah murid-murid di sekolah-sekolah terpilih. Universiti Malaya (UM) telah ditugaskan untuk dua (2) buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai (SKBP), Bangsar dan Sekolah Kebangsaan Kampung Selayang (SKKS), Kuala Lumpur bagi pelaksanaan program tersebut.

Objektif program ini adalah:-

- Menambahkan keceriaan bilik media, makmal komputer dan tandas supaya lebih selesa dan menarik agar dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh guru-guru .
- Menanam minat murid sekolah kepada pembelajaran subjek Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM).
- Memberi motivasi kepada murid untuk meningkatkan penguasaan akademik dan Bahasa Inggeris melalui aktiviti bersama siswa.

Pengajar, pegawai, sukarelawan dan staf sokongan dari Universiti Malaya telah bekerjasama dengan guru dan pelajar dari Sekolah Kebangsaan Bukit Pantai, Bangsar dan Sekolah Kebangsaan Kg Selayang, K.Lumpur bagi melaksanakan projek ini seperti berikut:

1. KEMPEN KESEDARAN TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI DAN PENJIMATAN TENAGA

Tempat: SK Kampung Selayang, K. Lumpur
Tarikh: 10 dan 17 Jun 2020
Perancangan pelaksanaan selepas PKP: Ogos 2020



Program Mentor Mentee bagi menanam minat kepada STEM.

2. STEM MENTOR MENTEE

Tempat: SK Kampung Selayang, K. Lumpur
Tarikh:-
Sesi 1- 27 Februari 2020
Sesi 2- 5 Mac 2020
Sesi 3- 12 Mac 2020
Perancangan Pelaksanaan selepas PKP: Oktober 2020 (Untuk Sesi 4 dan 5)



Sukarelawan UM adalah dari kalangan pelajar UM yang telah dilatih dengan modul STEM.

3. PROGRAM PENGUASAAN BAHASA INGGERIS di SK Bukit Pantai, Bangsar dan SK Kg Selayang, K. Lumpur

Tempat: Kompleks Perdanasiswa, UM
Tarikh: 28 Mac 2020 dan 4 April 2020
Perancangan selepas PKP: Oktober 2020

4. PROJEK HENTIAN KOMUNITI, PENAMBAHBAIKAN TANDAS SEKOLAH

Program yang dirancang : Renovasi Tandas dan Karnival Kebersihan
Tempat: SK Bukit Pantai, Bangsar
Tarikh: April 2020
Perancangan pelaksanaan selepas PKP: Okt 2020

Nota: Setakat ini hanya Program STEM MENTOR MENTEE di SK Kampung Selayang, K. Lumpur telah berjaya dijalankan dari sesi 1 hingga 3. Manakala sesi 4 dan 5 akan diteruskan selepas tempoh PKP (Oktober 2020).

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

- Setiap mentee perlu menjawab pre-test yang diberi. Seterusnya pemberian buku STEM kepada setiap mentee dan pembahagian kumpulan. Penerangan tentang konsep ketumpatan kepada para mentee oleh setiap mentor. Kemudian permulaan eksperimen bagi ketumpatan dan setiap mentee diberi tabung uji.
- Penerangan tentang konsep bentuk dan kestabilan kepada murid-murid pada peringkat permulaan. Seterusnya para mentor meminta setiap murid untuk melukis bangunan di dalam buku STEM mengikut kreativiti masing-masing. Kemudian pemberian jelly bean dan pencungkil gigi kepada setiap murid untuk membina bangunan berdasarkan lukisan yang dilukis oleh murid di dalam buku STEM.
- Penerangan tentang perkakas yang digunakan dalam modul electric circuit kepada mentee-mentee oleh mentor. Seterusnya para mentor menunjuk cara-cara untuk membuat litar elektrik kepada para mentee. Kemudian setiap litar elektrik akan diuji oleh para mentor sama ada berfungsi atau tidak.



Tenaga akademik, Pegawai dan sukarelawan bersama pengurusan pihak Sekolah

SIDANG REDUKSI



PENASIHAT

Puan Noorihan Ali Yusoff



EDITOR

Encik S Ramlee Shamsuddin

PENYELARAS REKABENTUK & GRAFIK




Encik Mazlan Samsudin

PENYELARAS FOTOGRAFI & PENGIMEJAN KREATIF



Encik Latimin Keman

LAMAN WEB & EDARAN



Puan Shurila Anati Md. Jaafar
Puan Nor Azura Adnan Penolong

PENYELARAS PENERBITAN & KONSEP



Encik Edmund Ross Williams Hunt
Encik Ahmad Amirul Ahamad Nawai
Puan Farah Amalina Abu Bakar

WARTAWAN & PENULIS KOLUM



Encik Mizra Hilmi
Abu Bakar

Puan Vijayah Malar
a/p Palanisamy



Encik Muhammad Izzat
Izzuddin Hamdan

Puan Nabila
Muhamad Shidik



Encik Mohd Shahrin
Mohd Baroyi

Cik Siti Nurhanim
Haji Ayob



Cik Nadia Syahira
Rosli

Encik Muhammad Sholeh
Mohd Rashid



Puan Anna Faizah
Mohd Shariff

Puan Asmah
Jamaludin

